



B

A

B

K

E

T

I

G

A

BAB III METODOLOGI

Bab yang ketiga ini adalah bab yang menguraikan jenis metod penyelidikan dan penggunaannya dalam pengetahuan serta penulisan lemah ilmiah ini. Sesuatu penyelidikan yang baik adalah refleksi dari jalannya ilmiah yang boleh dicapai apabila kita menggunakan metodologi penyelidikan yang sistematis.

Terlebih dahulu penulis ingin menanyakan apakah yang dimaksud dengan metodologi penyelidikan itu. Perkataan metodologi sebenarnya berasal dari Bahasa Yunani iaitu "methodos" yang bererti cara dan "logos" yang bererti ilmu. Oleh itu metodologi bererti ilmu tentang cara.¹ Menurut Imam Barnadid pula metodologi bererti "ilmu tentang cara mengerakkan penelitian".²

Prof. Dr. Hadibroto di dalam bukunya "METHODE RESEARCH", ada menyebutkan bahawa metodologi penyelidikan itu ialah cara-cara mengadakan

¹ Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, Jakarta: I.T. Gramedia, 1977, hal. 16.

² Prof. Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP - IKP, 1982, hal. 51.

penyelidikan. Penyelidikan itu boleh diertikan sebagai suatu usaha untuk mencari sesuatu yang baru atas menambahkan kepada sesuatu yang telah diketahui. Penelitian sama maknunya dengan penyelidikan iaitu cara pengumpulan keterangan-keterangan untuk menemukan sesuatu kebenaran secara ilmiah berdasarkan pemeriksaan atau penelitian yang original untuk mendapatkan hasil yang berupa fakta-fakta dan prinsip-prinsip.³

Penulis telah menggunakan dua cara penyelidikan di dalam kajian ini, iaitu :

1) Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)

Metod ini adalah kajian keperpustakaan iaitu penyelidikan yang dibuat menerusi perpustakaan. Segala bahan-bahan penyelidikan diperolehi dari buku-buku, majalah, artikel, kertas kerja dan bahan-bahan cetak yang lain. Penyelidikan cara ini adalah bersifat teoritis semata-mata.⁴ Penulis telah membuat penyelidikan di beberapa buah perpustakaan iaitu :

i - Perpustakaan Utama Universiti Malaya

ii - Perpustakaan Majalah Universiti Malaya

³ Prof. Dr. S. Hadibroto, Metode Research, Indonesia : Fakultas Ekonomi Universiti Sumatera Utara, 1965, hal. 5.

⁴ Ibid.

iii - Perpustakaan Aman Islam Putat Isalem

iv - Perpustakaan Muzium Negara, Kuala Lumpur

v - Perpustakaan Aras Negeri Melaka Cawangan Alor Gajah, Melaka.

Melalui kajian perpustakaan ini penulis banyak memperolehi data tentang sejarah awal Melaka, pengertian da'wah, tujuan da'wah dan sebagainya.

2) Penyelidikan Lapangan (Field Research)

Adalah penelitian yang dilakukan terus kepada objek yang di¹¹ untuk mendapatkan fakta-fakta yang diperlukan.⁵ Menurut cara penyelidikan ini penulis telah ke JAIN dan MAIN untuk menjalankan penyelidikan secara langsung terhadap segala aktiviti dan perkara-perkara yang berhubungan dengan kedua-duanya.

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa penulis telah menggabungkan kombinasi antara penyelidikan keperpustakaan dan penyelidikan lapangan dalam usaha penyelidikan dan penulisan latihan ilmiah ini.

Dalam bidang penelitian ilmiah, penggunaan metod amal penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Suatu penelitian atau penyelidikan itu akan tinggi mutunya

⁵ Ibid.

apabila metod-metod yang digunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya. Oleh itu penulis telah menggunakan beberapa jenis metod yang sesuai di dalam penyelidikan ini. Antaranya :

- 1) Metod Penentuan Subjek
- ii) Metod Pengumpulan Data
- iii) Metod Analisa Data dan Penulisan

A) Metod Penentuan Subjek

Metod ini juga dikenali sebagai metod sampling. Dalam kita cari sample, yang harus dipertimbangkan dengan teliti adalah, apakah sample itu telah memenuhi syarat-syarat untuk mewakili bidang yang diteliti. Misalnya penulis ingin mengkaji penyebaran da'wah di Melaka, maka JAIN dan MAIN lah yang harus menjadi sample penulis kerana kedu-dua organisasi ini memainkan peranan yang besar dalam penyebaran da'wah di Melaka dan bukannya jabatan-jabatan kerajaan yang yang tidak berkaitan.

B) Metod Pengumpulan Data

Telah dinyatakan bahawa penelitian itu ialah usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Dalam usaha pengumpulan ini, penulis menggunakan beberapa metod pengumpulan data. Antaranya :

a) Metod Penyejarahan (History)

Penyelidikan yang mengandalkan metod ini adalah penyelidikan yang mengaplikasikan metod pedeckeran yang berasal dari perspektif historis sesuatu masalah. Metod ini sering digunakan untuk mencari pengetahuan mengenai sesuatu perjalan atau peristiwa masa lampau.⁶ Menurut Imam Barnadib, metod historis itu ialah "suatu proses untuk menentukan seanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian".⁷

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahwa metod historis ialah suatu proses yang meliputi pengumpulan data dan penafsiran. Misalnya, peristiwa atau pun gagasan yang tumbul di masa lampau untuk mendukung generalisasi yang berguna dalam usaha memahami kenyataan-kenyataan sejarah, malahan digunakan juga untuk memahami situasi sekarang dan meramalkan perkembangan yang akan datang.⁸

Metod ini digunakan dalam usaha untuk mendapatkan data bagi hasil pendahuluan bahagian Latarbelakang Macalah iaitu Sejarah Awal Negri Melaka. Digunakan juga di dalam Bab IV iaitu untuk mendapatkan faktor sejarah pernubuhan JAIM dan NAIM di Melaka. Untuk mengetahui dengan

⁶ Dr. Winarno Surachmad, Dasar dan Teknik Research (Pengantar Metodologi Ilmiah), Bandung : C.V. Tarsono, cetakan V, 1970, hal. 123.

⁷ Prof. Imam Barnadib, op.cit., hal. 52.

⁸ Dr. Winarno Surachmad, loc.cit., hal. 123.

lebih jelas lagi boleh rujuk kembali kepada bab-bab yang telah disebutkan itu.

b) Metod Dokumentasi:

Iaitu cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diolah. Dokumen-dokumen adalah "benda tertulis yang dapat memberikan berbagai informasi". Antara sumber-sumber yang termasuk dalam kategori tersebut itu ialah kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan, surat-surat, gambar-gambar, potret-potret dan sebagainya.⁹ Koentjaningrat pula mengetahui bahawa metod dokumentasi itu termasuk jurnal akademik, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memoir, surat-almarhum, cerita rozaan dan cerita rakyat.¹⁰

Penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang relevan, yang kemudian diaolah dan dibuat perbandingan seterusnya kesimpulan. Metod ini digunakan di dalam semua bab dalam latihan ilmiah ini. Antara dokumen-dokumen relevan yang digunakan ialah :

i - Al-Qur'an al-Karim

ii - Kitab Hadis

⁹ Ibid., hal. 168.

¹⁰ Koentjaningrat, op.cit., hal. 65.

iii - Buku-buku Tuke

iv - Akhbar

v - Majalah

vi - Fail Kekitaran JAIN dan MAIN

c) Metod Interviu (Tersbutu)

Interviu adalah komunikasi secara langsung antara penyelidik dengan subjek atau sample (respondent).¹¹ Digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seseorang responden berdasarkan berdiskusi-muka dengan orang tersebut. Interviu ini tentu penulis untuk mendapatkan maklumat secara langsung dengan orang-orang yang terlibat dalam perencanaan. Metod ini adalah pertama utama metod observasi.¹²

Tujuan lain mengapa intervieu ini dijalankan ialah untuk membuktikan hipotesis yang telah diperolehi dan untuk mendapatkan keterangan lanjut terhadap hal-hal yang berkaitan. Misalnya penulis membaca berita berkenaan JAIN dan MAIN di dalam akhbar harian yang pastinya tidak lengkap. Oleh itu untuk mendapatkan keterangan selanjutnya atau yang lebih sahih, maka penulis cuba mendapatkan kepastian semasa intervieu-

¹¹ Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Satu Contoh Tentang Hurai-ni Metodologi, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1987, hal. 117.

¹² Ibid.

interviu yang dijalankan.

Penulis menggunakan kaedah intervju terkawal dengan berhadakan intervju guide terlebih dahulu iaitu menentukan responden atau sample yang akan diinterviu, menyusun soalan yang akan dikenakan, menetapkan tarikh, masa, hari serta tempat intervju itu akan dijalankan dan pedoman-pedoman intervju yang lain. Soalan-soalan yang dikenakan serta meta-nama responden boleh dilihat di dalam LAMPIRAN R.

Banyak kesulitan penulis temui; semasa mengumpulkan data dan hasilnya segerusi metod ini, antaranya ialah ketidadaan responden-responden pada waktu yang telah ditetapkan disebabkan oleh beberapa masalah yang tidak dapat diejakkkan. Walau bagaimana pun penulis telah berjaya menemu hasil beberapa orang responden. Antara informasi atau responden yang diinterviu adalah terdiri daripada :

- i - Penolong Pengarah Da'wah JAIN
- ii - Ketua Kerani MAIN
- iii - Pegawai dan Zakitangan JAIN. Wihat Lamiran P.

d) Metod Observasi (Pengamatan)

Adalah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian dan perjalanan seseorang peneliti secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungannya dengan

ngan objek penelitian.¹³ Penulis mendekati tempat kerja untuk membuat pengamatan secara jelas dari mengenai objek penelitian.

Menurut Dr. Haryya W. Baktiier dalam tulisannya bertajuk "Observasi dan Sebagai Suatu Metode Penelitian" mengatakan bahwa percakapan atau observasi yang dilakukan secara cermat merupakan suatu cara penelitian ilmiah yang berkesan.¹⁴ Penggunaan metod ini bertujuan supaya sumber dapat maling lengkap melengkapi di antara metod-metod lain yang dirumuskan dalam kajian ini.

Observasi ini telah dilakukan dalam tempo yang sama atau serupa tak dengan kesempatan yang penulis punya. sebase melakukan interview dan mengumpulkan dokumen sepanjang masa kajian ini dijalankan. Melalui pengamatan atau pemerhatian, penulis mencatat segala butir-butir yang ada hubungannya dengan objek yang dimiliki.

c) Metod Analisa Dan Penulisan Data

Setelah segala data yang diperlukan sudah terkumpul, maka penulis perlu mengolah dan menganalisa dengan menggunakan metod analitis diskriptif kualitatif. Penggunaannya secara nyata adalah melalui

¹³ Ibid., hal. 129.

¹⁴ Ibid.

metod-metod berikut :

a) Metod Induktif

Bererti suatu cara penganalisaan data melalui "pola berfikir yang mencari pembuktian dan hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum".¹⁵ Metod ini adalah procedure (peraturan) : iaitu yang mengambil kesimpulan dari beberapa observasi yang diselidiki seara maksa.

Oleh itu, salah satu cara penganalisaan data di dalam penelitian dan penulisan ini, penulis telah meneparkan data yang bersifat khusus dan dari data yang bersifat khusus inilah penulis membuat kesimpulan - kesimpulan yang bersifat umum. Contohnya penulis telah mendapatkan data-data aktiviti da'wah dan sumbangan JAIM terhadap perkembangan Islam di Melaka. Kemudiannya penulis membuat kesimpulan bahawa organisasi ini memainkan peranan yang besar dalam penyebaran Islam di Negeri Melaka. Metod induktif ini digunakan di dalam semua buku tetapi pada tafsiran - tafsiran atau kajian-kajian yang tertentu.

b) Metod Deduktif

Bererti cara penganalisaan dan penulisan yang berasaskan kepada "pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada da-

¹⁵ Prof. Imam Barnadib, op.cit., hal. 52.

1.1.1 umum terhadap hal-hal yang khusus".¹⁶ Dalam kajian ini penulis telah memaparkan data-data yang bersifat umum dan dari data-data inilah penulis telah membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Misalnya, pada mulanya penulis memberi gambaran umum tentang peranan JAIM dalam penyebaran Da'wah di Melaka. Setelah itu penulis mengkhususkan peranan ini kepada kegiatan Da'wah yang terletak di bawah bidang kuasa JAIM kerana bahagian ini banyak mencurahkan taktik terhadap perkembangan serta penyebaran Islam di Melaka. Metod ini banyak digunakan di dalam Bab IV iaitu bab Lapuran Penyelidikan Dan Analisa Data.

c) Metod Komparatif

Metod ini adalah cara membuat kesimpulan dengan menggunakan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan".¹⁷ Segala data, fakta atau pendapat para ulama', ahli sejarah yang mempunyai otoriti semuanya dikumpulkan dan keduannya dibuat perbandingan secara saksama. Dari perbandingan-perbandingan tersebut dibuat pula suatu kesimpulan dan generalisasi seperti mana yang terdapat di dalam Bab I : Latarbelakang Masalah, di mana penulis telah membuat perbandingan dari data-data sejarah yang diperoleh. Seterusnya membuat kesimpulan dari mutu pendapat yang boleh dianggap benar.

¹⁶ Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, op.cit., hal. 134.

¹⁷ Ibid., hal. 136.

Melalui penggunaan metode-metode yang telah dinyatakan itu, penulis dapat membuat penelitian dan penyelidikan dengan lebih teratur dan berkesan. Hasil dari pengumpulan data tersebut, bolehlah dilihat di dalam bab-bab yang seterusnya iaitu Bab IV dan Bab V.